

Semua Pengarah Bahagian;

(41 )dlm.PPS.10/  
4/2 CUB Jld. 3

Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri;

21 Oktober 1998

Semua Jurutera Projek

Tuan,

### **Penggunaan Unit Metrik Dalam Dokumen Perolehan**

---

Adalah saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kabinet telah membuat keputusan pada 12 Ogos 1998 bahawa semua pengukuran dalam dokumen perolehan hendaklah disediakan dalam unit metrik. Ini bermakna semua dokumen termasuk pelan-pelan, spesifikasi dan Bill of Quantities/ Schedule of Rates yang masih menggunakan unit imperial haruslah dipinda kepada unit metrik.

3. Sehubungan dengan ini, tuan adalah diarah mengambil tindakan berikut dengan segera:

#### **3.1 Bagi Semua Kontrak Yang Sedang Berjalan**

- i) Tiada pindaan terhadap unit perlu dilakukan.

#### **3.2 Bagi Perolehan Yang Belum/Akan Ditender**

- i) Semua pelan-pelan, spesifikasi dan Bill of Quantities/Schedule of Rates perlu disediakan dalam unit metrik.
- ii) Sekiranya terdapat pelan piawaian (standard plan) yang akan digunakan masih dalam unit imperial, sila semak dengan Bahagian Khidmat Pakar sama ada pelan ini sudah dipinda kepada unit metrik.
- iii) Sila pastikan semua saiz bahan-bahan binaan yang ditukar dari unit imperial ke metrik adalah saiz yang terdapat dipasaran.

Sekiranya ada apa-apa kemusykilan, sila hubungi Bahagian Khidmat Pakar/Bahagian Ukur Bahan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,

(KEIZRUL BIN ABDULLAH)

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran,  
Malaysia.

s.k.: - Timbalan Ketua Pengarah I  
- Timbalan Ketua Pengarah II  
- Semua Juruukur Bahan

FAS/ns/201098/guna.wp/disk SPJPS